

MERCU

Generasi ke Generasi

Jul - Dis
2013



www.ptptn.gov.my

Diskaun

10%

Bayaran Balik
Pembiayaan

MISI SUKARELAWAN
PTPTN

**Pelancaran Misi
Sukarelawan PTPTN**

**Penyampaian Hadiah
Simpanan Mega SSPN-*i***

**Perasmian Pejabat
PTPTN Negeri**

Penasihat / Ketua Eksekutif

Encik Agos Cholan

Ketua Pengarang

Puan Teh binti Hamid

Penolong Ketua Pengarang

Cik Aizam binti Abdul Aziz @ Drahaman

Sidang Pengarang

Puan Rina binti Abd Rahman

Puan Nurshazwani binti Mohd Ameran

Encik Muhamad Haikal bin Asmawi

Puan Shahaitul Norma binti Mohamed Sulong

Puan Suria Ruhaiza binti Mansor

Cik Diana binti Yusof

Cik Nor Azura binti Ismail

Cik Aisafari binti Suparman

Puan Maznira binti Mokhtar

Encik Zahirudin bin Zainol Abidin

Urus Setia Penerbitan

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Mutalib

Cik Nor Amira binti Yousuf

Jurugambar

Encik Muhamad Zuwairi bin Kamarulzaman

Edaran

Encik Mohd Ridzuan bin Awang @ Shapiea

Diterbitkan Oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana

Off Jalan Semantan, Damansara Heights

50490 KUALA LUMPUR

bicara pengarang



MERCU kembali menemui warga dan pelanggan PTPTN di seluruh pelosok tanah air bersama berita dan wacana yang lebih menarik. Mercuru tampil dengan satu mesej ringkas bahawa penabungan dari usia muda melalui SSPN-*i* turut menjana ekonomi negara dan melahirkan modal insan yang dinamik.

Segala puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah

rahmatNya Mercuru Edisi Kedua (Julai – Disember 2013) telah dapat diterbitkan mengikut perancangan.

Pelbagai program dan inisiatif yang dianjurkan menunjukkan kesungguhan PTPTN untuk menjadi institusi peneraju dalam pengurusan pembiayaan pengajian tinggi menjelang tahun 2015.

Syabas dan tahniah atas kejayaan dan kecemerlangan PTPTN pada tahun 2013 yang berjaya melaksanakan program pendidikan dan kemasyarakatan. Kecemerlangan diperakui menerusi penubuhan Pejabat PTPTN Negeri di seluruh negara, pelaksanaan program Simpanan Mega dan Perdana SSPN-*i*, pelaksanaan insentif diskaun bayaran balik pembiayaan dan kolaborasi bersama bank sebagai ejen kutipan bayaran balik PTPTN. Lebih membanggakan lagi, PTPTN berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan bagi bayaran balik pembiayaan dan deposit SSPN-*i* untuk tahun 2013. Kejayaan ini adalah berkat usaha dan komitmen jitu yang telah ditunjukkan oleh warga PTPTN.

Kepimpinan PTPTN bersama warga turut memperkasakan program turun padang untuk mendekati dan memenangi hati pelanggan dan masyarakat umum. Ini adalah selari dengan usaha untuk memastikan PTPTN terus kekal melaksanakan tanggungjawab dan agenda negara ke arah melahirkan masyarakat berilmu dan berpendidikan tinggi.

Semoga penerbitan Mercuru ini disambut baik dan menjadi rujukan kepada warga PTPTN serta masyarakat bagi mendapatkan informasi terkini PTPTN sekaligus meletakkan PTPTN sebagai sebuah agensi yang unggul.

Selamat membaca.

TEH HAMID

kandungan

BICARA PENGARANG

BERITA

Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN
Agihan *Goodies Bag* Sempena Program Merdeka Raya PTPTN 2013
Majlis Mesra Pelanggan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri PTPTN
Perasmian Pejabat PTPTN Negeri Terengganu
Program PTPTN Dekat Di Hati
Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat PTPTN
Sambutan Hari Inovasi Peringkat PTPTN
Sahabat PTPTN
Majlis Penyampaian Hadiah Simpanan Mega SSPN-*i* Siri Ketiga
Lawatan Sambil Belajar Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Permata Kasih ke PTPTN

LENSA PTPTN

KHIDMAT KOMUNITI

Program Tanggungjawab Sosial Korporat PTPTN Sempena Ramadhan
Penyampaian Sumbangan PTPTN Kepada MASKUM Bagi Menjayakan Misi Sukarelawan Siswa Banjir 2013
Majlis Pelancaran Misi Sukarelawan PTPTN

RENCANA

Anjung PTPTN

AKTIVITI

Program Derma Darah
Pertandingan Dekorasi Kreatif Aidilfitri

MEDIA INTERAKTIF

Wawancara Bersama Media
Lawatan Kerja ke Kumpulan Media Karangkrak
Media Luncheon Bersama Nasional FM

INSPIRASI

Budi Bahasa Budaya Kita



1

3

11

13

15

16

17


18

PELANTIKAN Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN



Sekalung tahniah diucapkan kepada YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah kerana telah dilantik sebagai Pengerusi PTPTN yang baru bagi tempoh dua tahun berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013 sehingga 30 Jun 2015. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan YB Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said yang telah menamatkan perkhidmatan sebagai Pengerusi PTPTN pada 24 Jun 2013.

Tidak dilupakan ucapan tahniah kepada Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN yang baru dilantik iaitu YB Dato' Haji Irmohizam bin Ibrahim, YBhg Datuk Mustafha bin Haji Abd Razak dan YBhg Datuk Johan bin Jaaffar. Adalah diharapkan bahawa pelantikan ini akan dapat mempertingkatkan lagi tadbir urus PTPTN, meneruskan kecemerlangan yang sedia tercipta dan menjana PTPTN ke arah transformasi pendidikan tinggi negara.



- 1 YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah
- 2 YB Dato' Haji Irmohizam bin Ibrahim
- 3 YBhg. Datuk Haji Mustafha bin Haji Abd. Razak
- 4 YBhg. Datuk Johan bin Jaaffar

AGIHAN GOODIES BAG SEMPENA PROGRAM MERDEKA RAYA PTPTN 2013

PTPTN telah menganjurkan Program 'Merdeka Raya PTPTN 2013' dengan mengagihkan *goodies bag* kepada pengguna jalan raya di plaza tol terpilih. Program ini bertujuan untuk mempromosikan produk PTPTN khususnya SSPN-*i* serta insentif diskaun 20% dan 10% bagi bayaran balik pembiayaan.

Sebanyak 1,500 *goodies bag* yang mengandungi air mineral, coklat tempe, *car sign*, sampul serbaguna, buku AKPK serta risalah-*risalah* PTPTN telah diagihkan di plaza tol berikut:

| Tarikh | Plaza Tol |
|-----------------------|---|
| 1 Ogos 2013 (Khamis) | Gombak (Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak) |
| 23 Ogos 2013 (Jumaat) | Sungai Besi (Lebuhraya Utara - Selatan) |
| | Jalan Duta (Lebuhraya Utara - Selatan) |

Objektif utama penganjuran program tersebut adalah bagi mengeratkan hubungan PTPTN dengan masyarakat Malaysia selaras dengan *tagline* 'PTPTN Dekat Di Hati'.



- 1 Encik Agos Cholan, Ketua Eksekutif PTPTN menerangkan kepada pihak media berkaitan penganjuran program.
- 2 Petugas sedang mengagihkan *goodies bag* kepada pengguna jalan raya.
- 3 Petugas PTPTN sibuk melaksanakan persiapan terakhir sebelum *goodies bag* diagihkan.
- 4 Encik Agos Cholan, Ketua Eksekutif PTPTN tidak ketinggalan beramah mesra.

MAJLIS MESRA PELANGGAN DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PTPTN

Majlis Mesra Pelanggan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri PTPTN telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II pada 19 Ogos 2013 bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Majlis Mesra Pelanggan merupakan program tahunan yang dilaksanakan oleh PTPTN. Pelbagai pendekatan dan inisiatif telah dilaksanakan oleh PTPTN dalam memaksimumkan tahap perkhidmatan kepada para pelanggan. Justeru, majlis tersebut merupakan salah satu inisiatif PTPTN bagi menghargai dan

mengeratkan hubungan silaturrahim yang sedia terjalin bersama para pelanggan.

Di antara pengisian majlis ialah Penyampaian Surat Pelepasan Bayaran Balik Pembiayaan PTPTN kepada pelajar cemerlang daripada pelbagai IPT seluruh negara mewakili keseluruhan jumlah penerima Ijazah Pertama dan penyampaian hadiah Simpanan Mega SSPN-*i* Siri Pertama dan Siri Kedua kepada pemenang yang berjaya.



- 1 YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II menyampaikan Surat Pelepasan Bayaran Balik Pembiayaan PTPTN kepada pelajar cemerlang.
- 2 Pelajar cemerlang beramah mesra dengan YB Menteri Pendidikan II.
- 3 Tetamu kehormat bergambar bersama-sama dengan para pemenang Simpanan Mega SSPN-*i* Siri Pertama dan Siri Kedua yang berjaya.
- 4 Antara pelanggan PTPTN yang turut hadir.



YB Menteri Pendidikan II menyampaikan ucapan perasmian.



YB Menteri Pendidikan II menandatangani plak pelancaran Pejabat PTPTN Negeri Terengganu.

PERASMIAN PEJABAT PTPTN NEGERI TERENGGANU

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meluaskan akses pendidikan yang berkualiti dan berterusan, PTPTN mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan Pejabat PTPTN yang ketiga di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia.

Majlis Perasmian Pejabat PTPTN Negeri Terengganu telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II pada 24 Ogos 2013 bertempat di TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu.

Pejabat PTPTN Negeri Terengganu terletak di Dataran Emas, Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu telah beroperasi sejak 11 September 2012 dan menempatkan seramai 32 orang kakitangan yang diketuai oleh Puan Azizah binti Nasik @ Abd Rashid selaku Pengurus Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Terengganu.

Dengan penubuhan pejabat di Terengganu, PTPTN kini mempunyai 20 pejabat cawangan yang beroperasi di seluruh Malaysia termasuk empat buah pejabat di UTC (Urban Transformation Center) Pahang, Perak, Kuala Lumpur dan Kedah yang bertujuan untuk memberikan nilai tambah dan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan PTPTN.

KONVENSYEN KIK PERINGKAT PTPTN



- 1 Spurx Ideaz telah dinobatkan sebagai johan.
- 2 Naib johan dimenangi oleh kumpulan The Boosters.
- 3 Tempat Ketiga dimenangi oleh kumpulan Jiddan.

PROGRAM PTPTN DEKAT DI HATI



'Yang Bulat Tidak Datang Bergolek, Yang Pipih Tidak Datang Melayang'. Seiring dengan peribahasa tersebut, PTPTN sentiasa gigih berusaha untuk meningkatkan prestasi pencapaian dan mutu perkhidmatan kepada pelanggan di samping memperkenalkan produk PTPTN kepada masyarakat umum. Rekod dan sejarah pada tahun 2013 mencatatkan PTPTN telah melaksanakan dua program 'PTPTN Dekat Di Hati' dengan kerjasama dua buah bank.

Objektif program ini diadakan ialah memberi peluang kepada orang ramai membuka akaun, membuat penambahan deposit dan mendapatkan penerangan mengenai potongan gaji SSPN-i dengan lebih cepat dan mudah. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai khususnya pelanggan PTPTN.

PROMOSI PTPTN DEKAT DI HATI BERSAMA MAYBANK

Dengan kerjasama pihak Maybank, promosi PTPTN Dekat Di Hati ini telah berlangsung selama dua hari bermula pada 27 dan 28 Ogos 2013 di 392 buah cawangan Maybank di seluruh Malaysia.

Prestasi SSPN-i adalah sangat memberangsangkan di mana sebanyak 11,063 pembukaan akaun SSPN-i dengan nilai deposit RM2,691,783.82 telah berjaya diperolehi menerusi promosi ini. Manakala penambahan akaun SSPN-i sebanyak 4,193 dengan jumlah RM1,873,012.46 turut menyumbang kepada pencapaian prestasi ini. Jumlah keseluruhan transaksi adalah sebanyak 15,256 yang berjumlah RM4,564,796.28.

PROMOSI DEKAT DI HATI BERSAMA BANK RAKYAT

PTPTN telah 'berkampung' selama dua hari di 142 cawangan Bank Rakyat di seluruh Malaysia bagi menjayakan promosi berimpak besar ini. Promosi ini telah diadakan pada 26 dan 27 November 2013 dengan kerjasama yang sangat baik daripada pihak Bank Rakyat. Impak daripada promosi ini, sebanyak 2,241 akaun SSPN-i telah didaftarkan dengan kutipan deposit berjumlah RM501,669.39. Manakala penambahan akaun SSPN-i sebanyak 843 dengan jumlah kutipan RM363,081.95 menjadikan keseluruhan transaksi adalah sebanyak 3,084 bernilai RM864,751.34.



Pelanggan bank diberi penerangan berkenaan dengan SSPN-i oleh kakitangan PTPTN.

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) merupakan satu mekanisme yang melibatkan pekerja dalam proses penyelesaian masalah, penambahbaikan proses kerja dan standard yang sedia ada dan memperkenalkan sesuatu yang baru.

Sebanyak empat kumpulan yang melibatkan warga kerja daripada Jabatan Perbendaharaan (Jiddan), gabungan Jabatan Akaun, Jabatan Kewangan dan Jabatan Teknologi Maklumat

(Spurx Ideaz), Pejabat PTPTN Cawangan Zon Utara (The Boosters) dan Pejabat PTPTN Cawangan Zon Timur (D'Solution) telah menyertai dan mempersembahkan projek KIK masing-masing pada Konvensyen KIK Peringkat PTPTN yang telah diadakan di Dewan Besar PTPTN pada 11 September 2013. Pemenang konvensyen dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori individu dan berkumpulan.

| KATEGORI INDIVIDU | |
|------------------------|---|
| JENIS ANUGERAH | PEMENANG |
| Fasilitator Terbaik | En. Ahmad Shahril @ Muhammad Shahril bin Ghazali (Kumpulan The Boosters dan D'Solution) |
| Ketua Kumpulan Terbaik | Cik Wiwid Asnah Willis binti Yaakub (Kumpulan Jiddan) |
| Peserta Terbaik | Cik Salwa binti Haji Hasan (Kumpulan The Boosters) |

| KATEGORI BERKUMPULAN | |
|----------------------|--------------|
| KEDUDUKAN | KUMPULAN |
| Johan | Spurx Ideaz |
| Naib Johan | The Boosters |
| Tempat Ketiga | Jiddan |
| Tempat Keempat | D'Solution |

SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT PTPTN

Sambutan Hari Inovasi Peringkat PTPTN Tahun 2013 diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran warga PTPTN terhadap kepentingan inovasi dalam pelaksanaan kerja. Tema 'Inovasi Pemacu Transformasi' telah dipilih pada tahun 2013 dengan harapan dapat memupuk dan memperkukuhkan lagi nilai-nilai budaya inovasi dalam agenda kecemerlangan PTPTN, selain memberi penghargaan dan pengiktirafan terhadap usaha-usaha inovasi yang telah dilaksanakan.

Anugerah dan hadiah telah diberikan kepada jabatan/ kumpulan dan individu sebagai penghargaan dan pengiktirafan di atas sumbangan idea dan hasil kerja yang bermutu dan proaktif.

Anugerah dan hadiah kepada semua pemenang telah disampaikan oleh YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN pada Majlis Sambutan Hari Inovasi PTPTN 2013 yang telah diadakan pada 10 Disember 2013.

PTPTN mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah/ hadiah. Semoga anugerah/ hadiah yang diberikan dapat dijadikan pembakar semangat untuk menyumbangkan idea dan hasil kerja yang lebih proaktif dan inovatif selain dapat meningkatkan lagi motivasi, seterusnya dapat dicontohi oleh semua warga PTPTN yang lain.



- 1 YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN menyampaikan ucapan selamat.
- 2 YB Pengerusi PTPTN menyampaikan hadiah Pertandingan *Signboard* Cawangan PTPTN kepada Encik Muhamad Norimi bin Ismail.
- 3 Anugerah Khas Ketua Pegawai Operasi dianugerahkan kepada Pejabat PTPTN Negeri (PPN).
- 4 Pameran Hari Inovasi bertemakan "Terokai Inovasi" turut diadakan.

| PEMENANG MYIDEA | |
|-----------------------|--------------------------------------|
| HADIAH | PEMENANG |
| Pertama | Tiada Pemenang |
| Kedua | Pn. Norhayati binti Maarof |
| Ketiga | En. Azli bin Abdul Aziz |
| Penyumbang Idea ke-50 | Pn. Nur Syariza binti Samsul Baharin |

| ANUGERAH HARI INOVASI | |
|-------------------------------------|---|
| ANUGERAH | JABATAN |
| Anugerah Khas Ketua Eksekutif | Pasukan Khas Pembangunan Aplikasi |
| Anugerah Khas Ketua Pegawai Operasi | Pejabat PTPTN Negeri |
| Anugerah Khas Inovasi | Jabatan Prosesan, Rekod dan Dokumentasi |

| PEMENANG PERTANDINGAN <i>SIGNBOARD</i> CAWANGAN PTPTN | |
|---|-------------------------------|
| KATEGORI | PEMENANG |
| Pertandingan <i>Signboard</i> Cawangan PTPTN | En. Muhamad Norimi bin Ismail |

SAHABAT PTPTN

Program Sahabat PTPTN merupakan program yang diperkenalkan untuk mewujudkan kolaborasi strategik dengan agensi kerajaan atau swasta bagi menggalakkan kakitangan melaksanakan bayaran balik pembiayaan PTPTN, pembukaan akaun dan penambahan deposit SSPN-*i* melalui potongan gaji di samping menjana pendapatan sampingan kepada Sahabat PTPTN.

Majikan yang menguruskan potongan gaji untuk bayaran balik pembiayaan PTPTN akan diberikan komisen sebanyak RM10.00 dan RM2.00 untuk pembukaan akaun SSPN-*i* bagi setiap kakitangan. Komisen RM0.50 sen diberikan untuk setiap transaksi SSPN-*i* yang seterusnya.

Selain pemberian komisen, Sahabat

| BIL | PERKARA | KOMISEN DIBAYAR |
|-----|---|-------------------------|
| 1. | Pembukaan akaun SSPN- <i>i</i> (<i>one off</i>) | RM2.00/ akaun |
| 2. | Penambahan deposit SSPN- <i>i</i> (setiap bulan) | RM0.50/ akaun |
| 3. | Bayaran balik pembiayaan PTPTN (<i>one off</i>) | RM10.00/ penerima biaya |

PTPTN juga berpeluang menyertai program yang bersesuaian anjuran PTPTN dan memperoleh informasi terkini PTPTN.

Terdapat juga keistimewaan kepada kakitangan yang merupakan peminjam PTPTN iaitu berpeluang menikmati diskaun 10% bagi bayaran balik

pembiayaan PTPTN. Kakitangan yang merupakan pendeposit SSPN-*i* pula berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik menerusi kempen promosi yang dianjurkan oleh PTPTN selain menikmati pelbagai keistimewaan SSPN-*i*.

Jom! Sertai Sahabat PTPTN.

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SIMPANAN MEGA SSPN-*i* SIRI KETIGA

Majlis Penyampaian Hadiah Simpanan Mega SSPN-*i* Siri Ketiga telah disempurnakan oleh YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN pada 12 November 2013 bertempat di Dewan Besar, PTPTN.

Tempoh promosi bagi Cabutan Simpanan Mega SSPN-*i* Siri Ketiga bermula daripada 1 Mei 2013 sehingga 30 Jun 2013 manakala tempoh pengekalan deposit adalah daripada 1 Julai 2013 sehingga 31 Ogos 2013. Pelbagai hadiah menarik ditawarkan.

| KEDUDUKAN | JUMLAH HADIAH | HADIAH |
|-----------|---------------|--|
| Pertama | 1 | Proton Preve CVT 6 Premium |
| Kedua | 2 | Motosikal (Naza Blade 250) |
| Ketiga | 3 | TV LED 60" |
| Saguhati | 30 | Wang Tunai RM250.00 Dikreditkan ke Akaun |

| PEMENANG SIMPANAN MEGA SSPN- <i>i</i> SIRI KETIGA | | | |
|---|--------------------|-----------|----------------------------|
| BIL | NAMA | KEDUDUKAN | HADIAH |
| 1. | Rizal Bin Hadzri | Pertama | Proton Preve CVT 6 Premium |
| 2. | Kok Lai Wan | Kedua | Motosikal (Naza Blade 250) |
| 3. | Poh Fong Tee | Kedua | Motosikal (Naza Blade 250) |
| 4. | Jaimi Binti Hassan | Ketiga | TV LED 60" |
| 5. | Chan Yoke Chen | Ketiga | TV LED 60" |
| 6. | Kang Lee Cheng | Ketiga | TV LED 60" |



Tetamu kehormat bergambar bersama para pemenang



YB Pengerusi ditemubual oleh wartawan semasa sidang media



Wajah ceria pemenang utama Simpanan Mega SSPN-*i* Siri Ketiga

Tahniah diucapkan kepada para pemenang!

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PDK PERMATA KASIH KE PTPTN


PTPTN telah menerima lawatan daripada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Permata Kasih Felca Air Tawar, Kota Tinggi, Johor pada 4 Disember 2013. Rombongan seramai 40 orang anak-anak pelatih OKU merupakan anak-anak peneroka Felca Air Tawar, Semenchu dan Felcra Sungai Layau yang mengalami masalah pembelajaran, fizikal dan pendengaran.

Di antara pengisian lawatan ialah penyampaian taklimat berkenaan PTPTN yang telah disampaikan oleh Tuan Haji Zulkifli bin Ansari, Timbalan Pengurus Kanan, Jabatan Penyelidikan Dasar Dan Pembangunan Produk dan lawatan ke Bahagian *Call Centre*, Jabatan Komunikasi Korporat.



- 1 Wajah ceria pelatih dan anak pelatih OKU setelah melawat Bahagian *Call Centre*, Jabatan Komunikasi Korporat.
- 2 Persembahan istimewa daripada anak-anak pelatih OKU.
- 3 Kakitangan Bahagian *Call Centre* membantu anak pelatih OKU memakai *headphone*.
- 4 Pelatih dan anak pelatih OKU tekun mendengar taklimat.

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN



2.36 juta

Jumlah penerima biaya
sehingga 31 Dis 2013



53.63 bilion

Jumlah peruntukan pembiayaan
pendidikan sehingga 31 Dis 2013

SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN-*i*)



1,858,613

Jumlah pembukaan akaun SSPN-*i*
sehingga 31 Dis 2013



1,196.61 juta

Jumlah deposit sehingga 31 Dis 2013

WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)



679,825

Jumlah waran WPP
sehingga 31 Dis 2013



1,001.14 juta

Amaun yang ditunaikan
sehingga 31 Dis 2013

PENGECUALIAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN



20,412

Jumlah penerima biaya yang dikecualikan bayaran balik
pembiayaan pendidikan kerana mendapat Ijazah Sarjana Muda
Keputusan Kelas Pertama atau setaraf sehingga 31 Dis 2013



lensa ptptn

11.07.13

PROGRAM RAMADHAN PTPTN BERSAMA WARGA KAMPUS POLITEKNIK

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor



01.08.13 & 23.08.13

AGIHAN GOODIES BAG SEMPERNA PROGRAM MERDEKA RAYA PTPTN 2013

Plaza Tol Gombak, Sungai Besi dan Jalan Duta, Kuala Lumpur



19.08.13

MAJLIS MESRA PELANGGAN DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Dewan Merdeka, PWTC Kuala Lumpur



24.08.13

MAJLIS PENYERAHAN WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP) & PERASMIAN PEJABAT PTPTN NEGERI TERENGGANU

TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu, Terengganu



08.09.13

MAJLIS JAMUAN RAKYAT AIDILFITRI PARLIMEN LENGGONG DAN PROMOSI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

Dataran Taman Kota Tampan, Lenggong, Perak



25.10.13 - 26.10.13

KARNIVAL RAUDHAH

Dataran Sireh, Kota Bharu Kelantan



12.11.13

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SIMPANAN MEGA SSPN-3 SIRI KETIGA

Dewan Besar, PTPTN



30.11.13 - 01.12.13

KARNIVAL JOM HEBOH 2013

Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur



04.12.13

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PDK PERMATA KASIH KE PTPTN

Dewan Besar, PTPTN



19.12.13

MAJLIS PELANCARAN MISI SUKARELAWAN PTPTN

Ibu Pejabat PTPTN, Wisma Chase Perdana

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT PTPTN SEMPERA RAMADHAN



Program Ramadhan merupakan program anjuran PTPTN dengan kerjasama Jabatan Pengajian Politeknik, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim di antara warga kampus Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan pihak PTPTN selain menyemarakkan kedatangan bulan Ramadhan bersama masyarakat. Walaupun program ini diadakan pada bulan Ramadhan, namun PTPTN

tetap menjalankan program khidmat masyarakat yang diadakan pada 11 Julai 2013.

Selain di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, PTPTN juga turut mengadakan program seumpamanya di enam buah politeknik iaitu Politeknik Kota Bharu pada 16 Julai 2013 sementara Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Politeknik Ibrahim Sultan dan Politeknik Kota Kinabalu serta Politeknik Mukah diadakan serentak pada 17 Julai 2013.

- 1 Kakitangan PTPTN bersama-sama pelajar politeknik bergotong-royong memasak bubur lambuk.
- 2 Aktiviti gotong-royong di sekitar politeknik.
- 3 Antara tetamu kehormat yang turut hadir.
- 4 Sesi agihan bubur lambuk di Politeknik Ungku Omar, Ipoh.

PENYAMPAIAN SUMBANGAN PTPTN KEPADA MASKUM BAGI MENJAYAKAN MISI SUKARELAWAN SISWA BANJIR 2013

Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) bersama Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Misi Sukarelawan Siswa bagi membantu mangsa banjir di Negeri Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor.

Misi ini selaras dengan peranan dan tanggungjawab sosial KPM, PTPTN dan IPT khususnya para pelajar untuk membudayakan nilai-nilai murni dan kemanusiaan dalam bentuk kesukarelawan dan khidmat komunikasi pada situasi sebenar.

Sempena misi ini, PTPTN melalui pendekatan tanggungjawab sosial korporat menyumbang sebanyak RM50,000.00 kepada Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) bagi menjayakan Misi Sukarelawan Siswa kepada mangsa-mangsa banjir.

Sumbangan telah disampaikan pada 10 Disember 2013 bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat



Pengerusi PTPTN menyampaikan replika cek sumbangan PTPTN kepada wakil MASKUM.

PTPTN 2013. Sumbangan ini digunakan bagi membantu operasi pengurusan mangsa banjir seperti pembelian peralatan bagi pembersihan kediaman, rumah ibadat, sekolah dan tempat tumpuan pasca banjir serta pengurusan sukarelawan siswa termasuk makan/ minum, penginapan dan pengangkutan.

MAJLIS PELANCARAN MISI SUKARELAWAN PTPTN

PTPTN telah melaksanakan Misi Sukarelawan PTPTN bagi membantu mangsa banjir di empat negeri yang terlibat iaitu Pahang, Johor, Terengganu dan Kelantan. Daripada empat buah negeri yang terlibat, 14 kawasan telah dipilih untuk melaksanakan misi ini. Sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab

dan prihatin terhadap tanggungjawab sosial, PTPTN terpenggil untuk turut serta menyumbang kepada mangsa banjir dan ini merupakan salah satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat PTPTN kepada masyarakat.



Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Pengerusi PTPTN pada 19 Disember 2013 bertempat di Ibu Pejabat PTPTN. Antara pengisian majlis tersebut ialah penyerahan replika cek sumbangan PTPTN bernilai RM100,000.00 kepada ketua kontingen Misi Sukarelawan PTPTN, YM Tuan Din bin Tuan Mat dan pelepasan konvoi skuad Misi Sukarelawan PTPTN.

Misi Sukarelawan PTPTN telah menyampaikan sumbangan beg sekolah bernilai RM100,000.00 kepada 1,900 keluarga mangsa banjir dan misi ini melibatkan kakitangan PTPTN sepenuhnya yang bekerjasama dengan pihak kawasan yang terlibat.



- 1 Sumbangan beg sekolah bernilai RM100,000.00 yang diagihkan kepada mangsa banjir.
- 2 YB Pengerusi dan Ketua Eksekutif PTPTN melepaskan konvoi skuad Misi Sukarelawan PTPTN.
- 3 Wajah ceria skuad Misi Sukarelawan PTPTN sebelum berlepas ke destinasi masing-masing.

ANJUNG PTPTN

Laman web atau lebih dikenali secara umum sebagai *website* mengandungi kandungan seperti teks, imej, audio, video atau lain-lain yang telah dihoskan kepada sekurang-kurangnya satu pelayan web (*web hosting*). Biasanya laman sesawang boleh dicapai dengan menggunakan rangkaian seperti internet dan kesemua ruangan laman sesawang yang boleh diakses oleh orang awam secara kolektif membentuk jaringan *World Wide Web (WWW)*.

Terdapat beberapa klasifikasi laman sesawang seperti laman sesawang blog, laman sesawang komuniti, laman sesawang perdagangan dan lain-lain lagi. Laman sesawang PTPTN atau lebih dikenali sebagai 'Anjung PTPTN' diklasifikasikan sebagai laman sesawang kerajaan. Laman sesawang kerajaan direka bentuk untuk badan-badan kerajaan sama ada dalam peringkat jabatan, daerah, negeri atau kerajaan bagi sesebuah negara. Ia bertujuan untuk memaklumkan mengenai aktiviti, pengumuman dan info kepada pengunjung sesebuah laman web kerajaan tersebut.

Anjung PTPTN telah mula dibangunkan secara dalaman dengan konsisten semenjak penubuhan Unit Laman Web dan Multimedia pada tahun 2006 (kini dikenali sebagai Seksyen Multimedia dan Web).

Berkat usaha dan kerjasama warga PTPTN yang terlibat khususnya Jabatan Teknologi Maklumat melalui Unit Laman Web dan Multimedia khususnya, Anjung PTPTN telah mendapat pengiktirafan yang pertama iaitu Tempat Pertama dalam Pertandingan Laman Web anjuran Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2007 dalam kategori Institusi Pengajian Tinggi Awam. Kecemerlangan ini berterusan untuk dua tahun berikutnya apabila Anjung PTPTN berjaya mengekalkan kejuaraan mengungguli Tempat Pertama dalam pertandingan yang sama pada tahun 2008 dan 2009.

Bermula tahun 2005, pihak MAMPU telah bekerjasama dengan badan bukan kerajaan Multimedia Development Corporation (MDeC) untuk menjayakan Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) iaitu suatu mekanisme penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan tahunan yang bertujuan untuk menyokong semua agensi kerajaan dalam mempromosikan lebih banyak perkhidmatan dalam talian dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam melalui laman web dan portal rasmi agensi.



Mengikut MGPWA, Anjung PTPTN telah diberi pengiktirafan empat bintang pada tahun 2010 dan 2011. Pada kedua-dua tahun tersebut Anjung PTPTN berada di dalam kedudukan 25 laman web terbaik daripada hampir 750 laman web yang dinilai. Pada tahun 2012, Anjung PTPTN telah berjaya memperoleh pengiktirafan lima bintang iaitu pengiktirafan tertinggi yang diberikan kepada laman web kerajaan yang dinilai melalui MGPWA. Selanjutnya pada 13 Disember 2013 yang lepas, diumumkan sekali lagi bahawa laman web PTPTN telah berjaya mengekalkan pengiktirafan lima bintang, sekali lagi meneruskan kecemerlangan dalam pembangunan Anjung PTPTN dari awal dibangunkan sehingga kini.

Mendepani cabaran tahun 2014 dan tahun-tahun seterusnya, fokus PTPTN adalah mengekalkan penarafan Lima Bintang dan meraih Anugerah Strategic Achievers. Anugerah ini diberikan kepada agensi yang telah mendapat penarafan Lima Bintang dalam penilaian MDeC. Anugerah Strategic Achievers telah diperkenalkan untuk menggalakkan agensi kerajaan menyediakan portal dan laman sesawang yang tidak terganggu dengan isu keselamatan (*ICT security incidents*); lulus ujian penembusan (*penetration test*); tiada aduan awam terhadap portal dan laman web (*zero public complaints*); dan penggunaan Bahasa Inggeris yang tepat (*English review*).

Penilaian ini dilaksanakan dengan kolaborasi antara MDeC, MAMPU dan Biro Pengaduan Awam bagi memastikan kemampanan dan integriti portal atau laman web. Hasil daripada kejayaan dan pengiktirafan laman sesawang PTPTN yang telah diperolehi, diharapkan akan menguatkan lagi iltizam warga PTPTN yang terlibat bagi memperkasakan inovasi dan kreativiti dalam akses laman sesawang.



Sambutan yang diterima daripada warga PTPTN amat menggalakkan.



PROGRAM DERMA DARAH

Program Derma Darah Peringkat PTPTN anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) PTPTN dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah diadakan pada 7 November 2013 bertempat di Dewan Besar PTPTN. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat baik di kalangan warga PTPTN. Seramai 136 orang telah berjaya menderma darah daripada 200 permohonan yang diterima. Pegawai yang menderma darah telah diberi cenderahati T-Shirt oleh KSK sebagai tanda penghargaan.

PERTANDINGAN DEKORASI KREATIF AIDILFITRI

Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) PTPTN telah menganjurkan Pertandingan Dekorasi Kreatif Aidilfitri PTPTN di antara Jabatan bagi memeriahkan suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Penilaian hiasan telah dibuat mulai jam 2.30 petang pada 31 Julai 2013 dengan sesi lawatan dihadiri oleh Ketua Pegawai Operasi, Encik Wan Ahmad bin Wan Yusoff dan juga Pengerusi KSK Encik Abdul Ghaffar bin Yusop serta pegawai-pegawai kanan yang lain.



Panel juri sedang melakukan penilaian terhadap hasil dekorasi Antara hasil dekorasi oleh jabatan

| KEDUDUKAN | JABATAN |
|-----------|--|
| Pertama | Jabatan Prosesan Rekod dan Dokumentasi |
| Kedua | Jabatan Khidmat Pengurusan |
| Ketiga | Jabatan Teknologi Maklumat |
| Keempat | Bahagian Akaun Ujrah |
| Kelima | Jabatan Komunikasi Korporat |

WAWANCARA BERSAMA MEDIA



25 JULAI 2013

Assalamualaikum

MERDEKA RAYA PTPTN 2013: KESEDARAN BERJIMAT DI BULAN RAMADAN BAGI TUJUAN PENABUNGAN UNTUK PENDIDIKAN MASA DEPAN

Panel: Cik Mastura binti Mohd Khalid

02 OGOS 2013

Selamat Pagi 1Malaysia (SPM1M)

MERDEKA RAYA PTPTN 2013: KESEDARAN BERJIMAT DI BULAN RAMADAN BAGI TUJUAN PENABUNGAN UNTUK PENDIDIKAN MASA DEPAN

Panel: Tuan Din bin Tuan Mat

21 SEPTEMBER 2013

Selamat Pagi 1Malaysia (SPM1M)

INSENTIF DISKAUN 20% DAN PROMOSI SIMPANAN PERDANA SSPN-i

Panel: Cik Aizam binti Abdul Aziz @ Drahaman



24 OGOS 2013

Terengganu FM

PROMOSI PTPTN DEKAT DI HATI BERSAMA MAYBANK

Panel: Tuan Din bin Tuan Mat

27 OGOS 2013

Nasional FM

PROMOSI PTPTN DEKAT DI HATI BERSAMA MAYBANK

Panel: Tuan Din bin Tuan Mat

24 SEPTEMBER 2013

Sinar FM

INSENTIF DISKAUN 20% DAN PROMOSI SIMPANAN PERDANA SSPN-i

Panel: Puan Rahimah binti Senin

27 SEPTEMBER 2013

THR Gegar

INSENTIF DISKAUN 20% DAN PROMOSI SIMPANAN PERDANA SSPN-i

Panel: Puan Rahimah binti Senin

25 NOVEMBER 2013

Sinar FM

PROGRAM TAKAFUL DAN PELEPASAN TAKSIRAN CUKAI SSPN-i

Panel: Tuan Din bin Tuan Mat

LAWATAN KERJA KE KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF

Lawatan Kerja Ke Kompleks Kumpulan Media Karangkrak telah diadakan pada 26 September 2013 bertempat di Shah Alam, Selangor. Program ini bertujuan untuk mengeratkan usahasama yang sedia terjalin dan merupakan platform untuk melaksanakan kolaborasi strategik di antara PTPTN bersama pihak media. Antara bahagian yang dilawati adalah Editorial Sinar, Editorial Buku, Editorial Majalah serta Jabatan Grafik. Lawatan ke Kilang Percetakan Ultimate Print turut diadakan bagi memberi pendedahan kepada lawatan berkenaan dengan proses percetakan majalah, buku dan bahan berita. Sempena lawatan tersebut, pengurusan PTPTN telah mengadakan sesi dialog bersama warga kerja Karangkrak berkaitan PTPTN bertujuan meleraikan kekeliruan dan permasalahan yang dihadapi.

Sesi dialog bersama kakitangan Karangkrak



Sesi bergambar PTPTN bersama Kumpulan Karangkrak



MEDIA LUNCHEON BERSAMA NASIONAL FM

Jabatan Komunikasi Korporat telah menganjurkan *Media Luncheon* Bersama Nasional FM pada 13 November 2013 bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Seramai tujuh orang pegawai kanan PTPTN dan lapan orang pengurusan Nasional FM telah menghadiri majlis makan tengahari yang bertujuan untuk menjalin hubungan baik dan meningkatkan jalinan kerjasama di antara PTPTN dengan Nasional FM.



Pegawai kanan PTPTN bersama pengurusan Nasional FM



Sesi bergambar PTPTN bersama Nasional FM

BUDI BAHASA BUDAYA KITA

Suatu hari, seorang bapa telah membawa anaknya ke kedai untuk membeli sepasang kasut. Kedatangan mereka telah disambut oleh seorang pelayan dengan dahi yang berkerut dan muka yang masam. Pelayan itu memulakan tuturbicaranya yang keras. *'Nak kasut apa? Budget berapa? Kasut disini semuanya berjenama dan mahal!'*

Lalu si anak berasa agak berang dan berkata *'Hei! Kamu ingat kami tiada wang? Setakat bekerja sebagai pelayan, gaji kamu pun saya mampu bayar!'* Lalu si ayah menegur tindakan anaknya itu. Si ayah tetap melemparkan senyuman dan menyambut layanan yang diberikan dengan penuh sopan. Si anak berasa hairan lalu bertanya kepada bapanya *'Ayah, kenapa ayah tetap tersenyum dan bersopan terhadap pelayan itu?'*

Si ayah menjawab dengan ringkas *'Kenapa harus kamu membiarkan dia mempengaruhi cara kamu bertindak?'* Jika direnungkan kembali situasi di atas, mengapa kadangkala

perlakuan kita kerap kali dipengaruhi oleh tindakan orang lain. Mengapa kita hanya berbuat baik sekiranya kita diberikan layanan baik oleh orang lain dahulu? Jagalah hati dan jangan biarkan sikap buruk orang lain mempengaruhi cara kita bertindak. Pilih untuk berbuat baik walaupun kadangkala kita menerima layanan yang kurang baik.

Daripada cerita di atas dapatlah dikaitkan dengan situasi kerja kita seharian. Sekiranya kita didatangi oleh pelanggan yang beremosi, maka kita tidak seharusnya terpengaruh dengan sikap mereka. Cuba bersikap optimis dan positif dengan sentiasa melemparkan senyuman dan cuba untuk menyelesaikan masalah mereka secara professional dan sopan.

Di dalam kehidupan ini dapatlah disimpulkan bahawa kita yang seharusnya menentukan kehidupan kita dan jangan mudah terpengaruh dengan sikap negatif orang lain.





www.ptptn.gov.my



icare.ptptn.gov.my



03-2080 4455



Perbadanan Tabung Pendidikan
Tinggi Nasional (PTPTN)



@twitptptn



SaluranMediaPTPTN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

One Stop Center PTPTN KL Sentral
Unit 1 & 2A, 2B, Level 2
Stesen Sentral Kuala Lumpur
50470 Kuala Lumpur

One Stop Center PTPTN Putrajaya
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kuala Lumpur
Lot T3-9, Tingkat 3
UTC Pudu Sentral
Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur

Pejabat PTPTN Negeri Selangor
Tingkat Bawah, Tingkat Mezzanine dan Tingkat 8
Menara MRCS
No. 2, Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14
40712 Shah Alam, Selangor

Pejabat PTPTN Negeri Sembilan
Tingkat 3, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan
70000 Seremban, Negeri Sembilan

Pejabat PTPTN Negeri Melaka
Suite 4.2 - 4.5, Aras 4
Urban Transformation Center (UTC)
Jalan Hang Tuah
75300 Melaka

Pejabat PTPTN Negeri Johor
No. 17, Jalan Padi Emas 1/5
Uda Business Centre
Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru, Johor

Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang
No. 53, Jalan Todak 6
Pusat Perniagaan Bandar Sunway Perdana
13700 Seberang Jaya, Butterworth
Pulau Pinang

Pejabat PTPTN Negeri Perlis
Lot 36 & 38, Medan Syed Alwi
01000 Kangar
Perlis

Pejabat PTPTN Negeri Kedah
No. 1302, Jalan Tunku Ibrahim
05000 Alor Setar, Kedah

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kedah
4-11 UTC, Tingkat 4, Bangunan UTC
Kompleks MBAS
Jalan Kolam Air
05675 Alor Setar, Kedah

Pejabat PTPTN Negeri Perak
No. 11 & 13, Tingkat Bawah
Persiaran Green Town 4
31300 Green Town, Ipoh, Perak

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Perak
Lot No. LA 18
Urban Transformation Center (UTC) Perak
Off Jalan Dato' Onn Jaafar
30300 Ipoh, Perak

Pejabat PTPTN Negeri Pahang
No. 48, Malay Town
Jalan Putra Square 1, Putra Square,
25200 Kuantan
Pahang

Pejabat PTPTN Cawangan UTC Pahang
No. 2-20
Pusat Transformasi Bandar (UTC Pahang)
Bangunan UTC Pahang
Jalan Stadium
25200 Kuantan, Pahang

Pejabat PTPTN Negeri Terengganu
No. 37 (B6) Blok B
Tingkat Bawah, 1 dan 2, Dataran Emas
Jalan Sultan Sulaiman
20200 Kuala Terengganu
Terengganu

Pejabat PTPTN Negeri Kelantan
Lot 1158, Tingkat Bawah
Jalan Doktor
15000 Kota Bharu
Kelantan

Pejabat PTPTN Negeri Sabah
B1-06, Tingkat 1
Warisan Square
Jalan Tun Fuad Stephens
88100 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat PTPTN Cawangan Tawau
TB 4334, Lot 14, Tingkat 1 (Corner)
Blok 31 & 32, Fajar Commercial Complex
Jalan Merdeka 2/3
91000 Tawau, Sabah

Pejabat PTPTN Negeri Sarawak
Lot 519, No. 15-1, Section 6
Al-Idrus Commercial Centre
Jalan Kulias
93400 Kuching, Sarawak